



Kerjaya



Pelajar PSA diberi penerangan oleh pihak industri mengenai peluang kerjaya yang ditawarkan.



Antara aktiviti dianjurkan termasuk sesi ceramah.



Pelajar melawat ruang pameran industri di Karnival Kerjaya PSA 2018.

Aplikasi memudahkan pelajar mencari peluang latihan amali

➔ PSA Job Hunting boleh diakses melalui laman sesawang <http://jobs.psa.edu.my/>

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

▪ Kuala Lumpur

Politeknik Sutan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam, Selangor, memperkenalkan aplikasi PSA Job Hunting bagi memudahkan pelajar dan industri mendapatkan maklumat mengenai peluang latihan amali dan pelepasan pekerjaan.

Aplikasi berkenaan yang boleh diakses menerusi laman sesawang [http://](http://jobs.psa.edu.my/)

jobs.psa.edu.my/ dilancarkan sebagai sebahagian daripada pengisian program Karnival Kerjaya PSA 2018 yang diadakan, di sini, baru-baru ini.

Ketua Pusat Pekerjaan dan Perkhidmatan Perindustrian Korporat (CISEC) PSA, Zaleha Abdullah, berkata aplikasi berkenaan dilancarkan bagi menyediakan platform kepada pelajar untuk berinteraksi dengan majikan yang menawarkan peluang untuk merekamengalamilatihanpraktikal.

"Pihak industri pula diberikan nama pengurusan dan kata laluan untuk mereka memuat naik profil syarikat dan jawatan kosong yang ditawarkan seterusnya mencari calon yang sesuai bagi mengisi kekosongan jawatan yang ada di syarikat masing-masing.

"Aplikasi ini diharapkan dapat membantu kedua-

dua pihak (pelajar dan majikan) mendapatkan apa yang mereka mahukan seterusnya meningkatkan lagi kadar kebolehpasaran graduan PSA pada masa akan datang," katanya.

Rakan Industri

Seramai 1,000 pengunjung menyertai Karnival Kerjaya PSA 2018 yang menerima 45 penyertaan daripada pihak industri.

Antara syarikat yang mengambil bahagian ialah Selangor Human Resource Development Corporation (SHRDC), Panasonic Malaysia Sdn Bhd (Panasonic Malaysia) dan Global FM Sdn Bhd.

Pelbagai pengisian disusun sepanjang karnival sehari itu antaranya ruang pameran, temu duga, ujian bertulis, taklimat industri dan ujian kelayakan untuk program perintis yang ditawarkan melalui Selangor Human Resource Development Corporation.



Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik), PSA, Zalina Ismail (enam dari kiri) bergambar bersama pihak industri.

Zaleha berkata, seperti kebanyakan institusi pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) yang lain, PSA percaya kerjasama dengan rakan industri sangat penting bagi memahami dengan lebih mendalam keperluan pasaran sekali gus membolehkan institusi itu menghasilkan graduan yang memenuhi kehendak industri.

"Tahun ini kita berbangga kerana dapat meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan iaitu 98.7 peratus, meningkat sebanyak lima peratus berbanding tahun lalu.

"Saya percaya pencapaian ini ini berjaya diraih hasil pembabitan dan kerjasama dengan pihak industri dan sangat berharap pelajar menggunakan peluang mungkin peluang yang ada sempena karnival ini bagi membina kerjaya masing-masing," katanya.

info

➔ Karnival Kerjaya adalah acara tahunan yang dianjurkan PSA bagi memberi peluang kepada pelajar dan graduan untuk berinteraksi dengan pihak industri sekali gus mencari peluang pekerjaan atau pelepasan latihan praktikal